

AKTIVITI BULANAN BAKAT INSKEP



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5579-aktiviti-bulanan-bakat-inskep-2

PULAU PINANG, 2 Nov 19 – Aktiviti bulanan BAKAT Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah dianjurkan oleh Biro Kraftangan, Kesenian & Kebudayaan iaitu aktiviti Pertandingan Mewarna Batik (Dewasa), Pertandingan Mewarna Sticker Pasir bagi kanak-kanak dan Kelas Melukis Inai Tangan di Rumah BAKAT INSKEP.

Turut hadir Pengerusi BAKAT INSKEP, Puan Noor Hafiza binti Zainol, Pemangku Pegawai BAKAT INSKEP, Kapt Mohammad Amir Redzuan bin Dahlim TUDM dan ahli BAKAT.

Pengerusi BAKAT INSKEP mengucapkan Jutaan Terima kasih dan tahniah kepada Biro Kraftangan, Kesenian & Kebudayaan kerana telah menjayakan aktiviti yang menarik dan mendapat sambutan yang meriah daripada ahli BAKAT yang hadir.

